

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
JABATAN PERDANA MENTERI
BIL. 3 TAHUN 2023 BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

**MAKLUM BALAS DARIPADA PIHAK PEGAWAI TERHADAP
USUL-USUL PIHAK PEKERJA**

| Bil. | Perkara | Maklumbalas |
|------|---|--|
| 1 | Sistem Kehadiran Bagi Pegawai Atau Kakitangan Menggunakan 'Face Recognition' | Pelaksanaan projek Sistem <i>MyAttendance</i> yang baharu bermula dari 1 September 2023 sehingga 31 Disember 2023 dan dijangka dapat digunakan pada 2 Januari 2024. |
| 2 | Penjenamaan dan memperkasakan Surau di Bangunan BHEUU | Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (SPSM), BHEUU diberi tanggungjawab sebagai penyelaras bagi proses pelantikan ahli jawatankuasa surau di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang dan tiada isu berkenaan elaun dan semua jawatankuasa yang dilantik adalah secara sukarela. |
| 3 | Kebenaran menguruskan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) | Satu taklimat telah diberi kepada semua Pengarah Negeri berhubung perkara ini di dalam Mesyuarat Pengarah Negeri Bil. 3 Tahun 2023 yang berlangsung pada 10 Oktober 2023. |
| 4 | Pegawai dan Kakitangan yang mengetik kad perakam waktu pegawai/kakitangan lain | Laporan kehadiran Warga JBG sentiasa dipantau oleh Unit Integriti, JBG. UI, JBG juga telah menghantar emel peringatan berkenaan perkara ini secara berkala kepada Warga JBG. |
| 5 | Pemasangan <i>Dashcam</i> pada kenderaan jabatan. | <p>Pemasangan <i>dashcam</i> hanya akan dilaksanakan pada tahun 2024 atau 2025 kerana tiada bajet diperuntukkan bagi tahun semasa; dan</p> <p>Memandangkan sesi pemeriksaan bajet tahun 2024 telah dilaksanakan pada bulan Jun yang lalu, permohonan ini akan diangkat secara berasingan untuk kelulusan Kementerian Kewangan berdasarkan penjimatan tahun 2024 nanti.</p> |

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
JABATAN PERDANA MENTERI
BIL. 3 TAHUN 2023 BERTARIKH 16 NOVEMBER 2023**

**MAKLUM BALAS DARIPADA PIHAK PEGAWAI TERHADAP
USUL-USUL PIHAK PEKERJA**

| Bil. | Perkara | Maklumbalas |
|-------------|---|--|
| 6 | Kelengkapan pejabat – Mesin fotostat/pengimbas | <p>Pihak BKP, Mdl telah mendapatkan maklum balas daripada 21 Cawangan Negeri dan 10 Pejabat Bahagian di Ibu Pejabat. Keperluan tambahan ini sedang diperhalusi oleh pihak BKP dari segi peruntukan yang diperlukan dan <i>trend meter reading</i> mesin ini yang semakin bertambah untuk penetapan bilangan tambahan yang optimum di Cawangan dan setiap Bahagian, Ibu Pejabat Mdl; dan</p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengerusi turut mengingatkan berkenaan dasar penjimatan yang mana semua Jabatan perlulah mengurangkan penggunaan kertas dengan menyediakan dokumen mesyuarat secara fizikal bagi mesyuarat yang penting dan memerlukan sahaja. Sebaliknya hanya menggunakan dokumen mesyuarat secara <i>softcopy</i>.</p> |
| 7 | Waktu Pengoperasian Kafe D'Bayu, BHEUU | <p>Pengoperasian kafe telah menambah menu makanan bagi menampung permintaan yang tinggi oleh pelanggan-pelanggan dari dalam bangunan BHEUU mahupun luar.</p> <p>Pihak kafe meletakkan tanda harga setiap makanan diletakkan bagi membolehkan pegawai membuat perancangan ketika membeli makanan; dan</p> <p>Unit Integriti bagi setiap agensi perlu membuat pemantauan keberadaan pegawai di kafe selepas jam 10.00 pagi.</p> |